

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [ AYER HITAM ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

- a) sama ada proses pemilihan kontraktor Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dibuat secara tender terbuka serta apakah kriteria pemilihan kontraktor sehingga OPCOM Holdings Berhad berjaya dalam bidaan projek NFCP dan berapakah jumlah nilai kontrak tersebut; dan
- b) apakah keputusan ini dibuat mengikut 'good governance' dan tiada unsur-unsur nepotisme.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) akan melibatkan pelaksanaan pelbagai projek-projek infrastruktur yang akan dibangunkan di seluruh negara seperti pembinaan menara, penyediaan rangkaian gentian optik dan pelaksanaan pusat pendaratan kabel dasar laut.
2. Projek-projek infrastruktur ini akan dilaksanakan melalui pembiayaan secara komersial dan sebahagian lagi akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat ("PPS") ataupun

## SOALAN NO: 6

*Universal Service Provision Fund (USP Fund)* yang dikumpul dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM") berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 ("Peraturan-peraturan PPS"). Pelantikan pihak-pihak yang akan melaksanakan projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat ini adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan PPS tersebut dan terhad kepada pemegang lesen Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sahaja.

3. Peraturan-peraturan PPS memperuntukkan kaedah penggunaan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat, iaitu melalui pelawaan terbuka kepada pemegang lesen Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk mengambil bahagian dalam inisiatif Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Pemegang-pemegang lesen akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan bagi dilantik sebagai pelaksana inisiatif tersebut berdasarkan kriteria serta spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak SKMM tertakluk kepada keperluan inisiatif yang berkaitan. Pihak SKMM akan memutuskan pihak yang akan melaksanakan inisiatif Pemberian Perkhidmatan Sejagat tersebut setelah menilai cadangan-cadangan yang diterima. Proses ini adalah serupa dengan proses tender terbuka dan adalah proses yang jelas dan telus.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, OPCOM Holdings Berhad bukan pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan SKMM tidak boleh melantik mereka bagi mana-mana inisiatif yang akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat.

5. Jadi dakwaan bahawa OPCOM Holdings Berhad adalah kontraktor yang berjaya dalam bidaan projek NFCP melalui SKMM adalah dakwaan yang tidak benar dan tidak berasas, dan soal berkenaan berapakah jumlah nilai kontrak yang diperolehi oleh mereka melalui SKMM tidak timbul sama sekali kerana OPCOM Holdings Berhad bukanlah pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan SKMM tidak boleh melantik mereka bagi mana-mana inisiatif yang akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat.